

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

Pejabat Setiausaha Kerajaan
Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri
70503 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus



Telefon : 06-7632041 (Talian Terus)
06-7659911
No. Faks : 06-7673728
Email : drrazali@ns.gov.my

Rujukan Kami : SUKNS(S)100-1/9/2(75)

Tarikh : 8 Julai 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

**PENGOPERASIAN PEJABAT DI BAWAH PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, seluruh Daerah Seremban telah diumumkan **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** untuk tempoh **14 hari** mulai **9 Julai 2021** hingga **22 Julai 2021** berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19 yang semakin membimbangkan. Pelaksanaan PKPD ini untuk mengawal pergerakan penduduk di kesemua mukim yang terlibat serta mengekang penularan COVID-19

3. Sehubungan dengan itu, pengoperasian Pejabat Kerajaan semasa tempoh PKPD bagi kawasan yang terlibat akan mengguna pakai arahan pengoperasian Pejabat Kerajaan yang telah dikeluarkan pada 30 Mei 2021 (Pengoperasian Pejabat Kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1). Walau bagaimanapun, perkhidmatan kaunter Kerajaan hendaklah ditutup sepenuhnya dalam tempoh PKPD tersebut.

4. Arahan ini terpakai kepada semua mukim / daerah yang diumumkan PKPD.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)